

**RM52 Juta Pembiayaan Diluluskan Sehingga Februari, Kata PUNB Bernama  
12 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 12 Mac (Bernama) -- Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB) meluluskan pembiayaan berjumlah RM52 juta sehingga Februari daripada RM275 juta peruntukan untuk tahun ini.

Sebanyak RM20 juta pembiayaan diluluskan untuk skim pemborongan, Skim PROSPER Runcit sebanyak RM15 juta untuk pembuatan, kejuruteraan dan servis manakala hampir RM2 juta lagi untuk Skim PROSPER Usahawan Muda (PUMA).

Ketua Pegawai Eksekutifnya Dzul kifli Fadzilah berkata PUNB mengutamakan bidang peruncitan dan pemborongan, dengan RM160 juta daripada peruntukan tahun ini akan disalurkan kepada dua sektor utama tersebut.

"Kita memberi perhatian kepada bidang dalam sektor peruncitan seperti automotif, perkakasan, telekomunikasi, profesional dan pendidikan awal kanak-kanak, yang berpotensi besar untuk berkembang maju," katanya selepas majlis menandatangani ikrar integriti korporat antara PUNB dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Dzul kifli turut berkata lebih daripada peruntukan tahun ini akan digunakan untuk menambah pemilikan hartanah syarikat korporat tersebut untuk tujuan disewakan kepada usahawan.

Beliau menegaskan PUNB berhasrat untuk menambah bilangan hartanahnya melalui peruntukan RM50 juta tahun ini.

"Kami menyasarkan kawasan strategik seperti di Lembah Klang, Johor Baharu dan Pulau Pinang," katanya.

Menyentuh tentang sasaran mengurangkan kadar pinjaman tidak berbayar kepada 25 peratus tahun ini berbanding 30 peratus sebelum ini, Dzul kifli berkata empat bidang dalam sektor peruncitan yang diberikan perhatian, mempunyai margin yang lebih baik.

"Sektor pemborongan dan empat bidang itu boleh menyumbang kepada kadar pinjaman tidak berbayar yang lebih rendah," katanya.

Sementara itu, Pengerusi PUNB Datuk Seri Mohd Ali Mohd Rustam berkata Ikrar Integriti Korporat yang dimeterai hari ini menjadi pelengkap kepada budaya korporat dan kod amalan baik dalam mewujudkan persekitaran perniagaan yang baik dan bebas rasuah.

Budaya korporat PUNB berteraskan tiga faktor utama iaitu komersialisme, profesionalisme dan etika, manakala kod amalan baik PUNB berteraskan tujuh prinsip utama yang memperincikan budaya dan amalan kerja terbaik.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1021372>